## Frequently Asked Questions (FAQs) - Maybank Islamic Gold Account-i (MIGA-i) Product

**Q1 : What is Maybank Islamic Gold Account-i (MIGA-i)?**

A1 : Maybank Islamic Gold Account-i (MIGA-i) is a Shariah-compliant gold account that allows you to conveniently buy & invest in gold with 999.9 purity and accredited by the London Bullion Market Association (LBMA), without the hassle of keeping the gold orworrying about its security.

Note:

a) After you have purchased gold from the Bank, the ownership of the gold will belong to you. You will then have the option to appoint the Bank as an agent who will find a security vault service provider to safekeep your gold, or you can redeem your gold with a physical gold bar for your personal safekeeping.
b) Successful of your buy gold transaction is subject to the Bank's daily gold sale limit.

**Q2 : What are the benefits of MIGA-i?**

A2 : Enjoy some of these benefits when you sign up for MIGA-i:

- Enjoy a lower spread between Bank buying and selling price.
- Enjoy real-time market price to buy and sell gold.
- Have the option to redeem available gold balance in the MIGA-i account with physical gold bar, in denominations from 1gram to 1,000grams via self-collection at selected Maybank branches, normal courier and/or special delivery services.
- No additional charges when you transfer the gold in grams from one MIGA-i account to another MIGA-i account.
- Sell back the physical gold bar to the Bank with a competitive Bank buying price. This is only applicable for physical gold bar that was redeemed from the Bank.
- Set future order transactions to automatically buy and sell gold at your specified price online via Maybank2u.
- Conveniently open & close account, buy, sell and transfer the gold online via Maybank2u.
- Receive notifications from the Bank when you have achieve minimum 10% profit from your average purchase price. This is only applicable when you have a gold balance of 100grams and above.

**Q3 : What is the applicable Shariah contract?**

A3 : The Shariah contract applicable for this product are:

a) Musawamah: an ordinary sale which refers to the transaction where the payment and delivery of gold must be immediate between the Bank and you.

b) Wa'ad: where you promise to purchase the gold through the debiting of your current or savings account. Upon your request via purchase order, the Bank would purchase the gold. The Bank will sell the gold to you. Your current or savings account will be debited amounting to the bank's sale price. Subsequently, your gold account will be credited at gold purchase price.

c) Ujrah: A fee charged imposed by the Bank for a service such as redemption with physical gold, delivery of physical gold via courier and special delivery, buy, sell & transfer of gold performed via Over-The-Counter (OTC) at the branches, and as an agent to find a security vault service provider to safe keep your gold.

d) Wakalah: You appoint the Bank as an agent to find and arrange with a third party security vault service provider to safe keep your physical gold bar and appoint the Bank to execute your future order transaction.

**Q4 :** **Who can open the MIGA-i account?**

A4 : **1. Individual**

a. 18 years old and above
b. In-Trust Account (joint account with guardian for those below 18 years old)
c. Joint account up to 4 persons

**2. Sole Proprietors**

Note:
This MIGA-i product is open to non-citizens of Malaysia (except those in relations with sanctioned countries) via Over the Counter service at anybranches.

**Q5 :** **Does the Bank allow me to buy and sell gold via cash?**

A5 : No. You need to have a Maybank Islamic and/or Maybank Conventional Current Account or Saving Account (CASA) so the Bank can make the following transactions:

1. Debit and credit the amount from your CASA to perform your buy and sell gold transactions
2. Debit any fee & charges where applicable from your CASA

**Q6 :** **Is the Maybank and/or Maybank Islamic MAE account considered as CASA?**

A6 : No. If you only have a MAE or MAE-i account now and want to open a MIGA-i account, you will need to open a full-fledged CASA with thumbprint verification at a branch.

**Q7 :** **What is the initial amount for the account opening and subsequent purchase?**

A7 : 1. Sole, Joint & In Trust Account

| Initial Purchase | Subsequent Purchase (Multiples) |
|---|---|
| Minimum of RM 10 or its gram equivalent based on the prevailing Bank sell price. | Minimum of RM 10 or its gram equivalent based on the prevailing Bank sell price. |

2. Sole Proprietor Account

| Initial Purchase | Subsequent Purchase (Multiples) |
|---|---|
| Minimum of RM 50 or its gram equivalent based on the prevailing Bank sell price. | Minimum of RM 10 or its gram equivalent based on the prevailing Bank sell price. |

**Q8 :** **What is the purity of the gold that I can purchase?**

A8 : Physical gold bar with 999.9 purity that are accredited by the London Bullion Market Association (LBMA).

**Q9 :** **Does the Bank allow me to buy and sell through MIGA-i in another currency?**

A9 : No. The transaction can be done in Ringgit Malaysia (RM) only.

**Q10 :** **What is the gold denomination that I can redeem?**

A10 :
a. 1gram
b. 5grams
c. 10grams
d. 50grams
e. 100grams
f. 1,000grams (1kilogram)

**Q11 :** **How can I redeem the physical gold bar?**

A11 : You have the option to redeem the physical gold bar via the following channels:

| No | Redemption Channels | Remarks | Total Gold Grams Redeemable Per Application / Delivery | | Applicable Gold Denomination |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Min | Max | |
| 1 | Selected Maybank Branches | Self-collection based on first come first serve basis | 1gram | 300grams | 1gram<br>5grams<br>10grams<br>50grams<br>100grams |
| | | Self-collection based on appointment | 1,000 grams | Subject to the available Gold balance in your MIGA-i | 1,000grams |
| 2 | Courier Services | The courier services can deliver up to 100 grams per delivery (parcel) | 1gram | 100 grams | 1gram<br>5grams<br>10grams<br>50grams<br>100grams |
| 3 | Special Delivery Services | The special delivery services can deliver up to 3,000grams per delivery | 500grams (Peninsular Malaysia)<br><br>1,000 grams (East Malaysia) | 3,000grams | 1gram<br>5grams<br>10grams<br>50grams<br>100grams<br>1,000grams |

Note:

a) For the self-collection at selected Maybank branches, you do not have to pay any charges other than the gold redemption charges.

b) For the courier services and/or special delivery services, you have to pay the gold courier and/or special delivery charges other than the gold redemption charges.

**Q12 : What is the turnaround time for the courier services and special delivery services?**

A12 :

| No | Services | Turnaround Time |
|---|---|---|
| 1 | Courier Services | 3 to 7 business days from the application date |
| 2 | Special Delivery Services | |

Note:

Business days for Federal Territory.

**Q13 : Are there any charges for the gold redemption?**

A13 : Yes. Below are the redemption fees:

| Gold Denomination | Total Redemption Charges Per Piece (RM) |
|---|---|
| 1gram | 25.00 |
| 5grams | 36.50 |
| 10grams | 63.00 |
| 50grams | 242.50 |
| 100grams | 340.00 |
| 1,000grams | 1,450.00 |

Note:
The gold redemption charges is imposed by the gold vendor.

**Q14 : Besides the gold redemption charges, do I need to pay other charges if I want to redeem the physical gold bar?**

A14 : No, if you want to self-collect the physical gold bar at selected Maybank branches.
Yes, if you want the gold to be delivered via courier services and/or special delivery services.

**Q15 : Where can I find the location of the selected Maybank branches for the gold redemption?**

A15 : You may refer to www.maybank2u.com.my.

**Q16 : What are the charges that I need to pay if I choose to redeem the physical gold bar via courier services and/or special delivery services?**

A16 : Below are the courier services and/or special delivery charges to be borne by you besides the gold redemption charges.

1. Courier Service Charges

| Items | Peninsular Malaysia | East Malaysia (Sabah & Sarawak) |
|---|---|---|
| Insurance/Takaful Charges | RM2 per gram | RM2 per gram |
| Handling, Packaging and Courier Charges | RM16.75 per delivery | RM22.75 per delivery |
| Total Grams Per Delivery (Parcel) | Minimum of 1gram - Maximum of 100grams | Minimum of 1gram - Maximum of 100grams |

2. Special Delivery Service Charges

| Items | Peninsular Malaysia | East Malaysia (Sabah & Sarawak) |
|---|---|---|
| Services Charges | RM970 per delivery | RM2,135 per delivery |
| Total Grams Per Delivery | Minimum of 500grams - Maximum of 3,000grams | Minimum of 1,000grams - Maximum of 3,000grams |

Note:
a) You agree that the gold vendor will do the fulfilment for the courier services and/or special delivery services. You also agree for the Bank to disclose any relevant information e.g. name of the beneficiaries, mailing address and contact number (mobile or telephone) to the gold vendor to fulfil the courier and/or special delivery services.
b) The courier services and/or special delivery charges is imposed by the gold vendor.

**Q17 : Will the Bank buy back any physical gold bar that I have redeemed?**
A17 : Yes. The Bank can buy back any physical gold bar that you have redeemed from the Bank, ifit fulfils a certain criteria set by the Bank.

**Q18 : Does the Bank allow me to transfer available gold balance in my MIGA-i account to other MIGA-i accounts?**
A18 : Yes. The Bank allows you to transfer your available gold balance, in grams, from your MIGA-i account to other MIGA-i accounts which are registered under your name for joint account and/or a third party name. You may transfer up to a maximum gold value of RM50,000 per day based on the prevailing Bank buy price.

**Q19 : Where can I get more information about the Bank buy and sell price?**
A19 : You may refer to www.maybank2u.com.my.

**Q20 : What is the Bank business day for me to perform gold transactions?**
A20: 1. For Maybank Branches
Gold transactions can be performed during normal business hours on a calendar day when the Bank is open to the public to conduct Banking business as defined in the Islamic Financial Services Act (IFSA) 2013). You may refer to www.maybank2u.com.my for further details.

2. For Maybank2u
Gold transactions can be performed from 8:30 am - 11:59 pm every day, including Weekends and Public Holidays in accordance to Federal Territory calendar.

**Q21 : Are there any charges imposed if I perform gold transactions through over the counter ata Maybank branch?**
A21 : Yes. The Bank will impose a service charge of RM 5.00 for the following transactions related to MIGA-i performed through over the counter at a Maybank branch:

- Buy Gold
- Sell Gold
- Transfer Gold

Note:
All the above transactions can be performed via Maybank2u without any fees and charges.

**Q22 : Is there any minimum balance that I need to maintain in my MIGA-i?**
A22: No. There is no minimum balance required for you to maintain your MIGA-I account. However,the Bank has the right to close your account if there is no balance in grams for a consecutiveperiod of 3 years.

**Q23 : Does the Bank safekeep my physical gold purchased from the Bank?**
A23 : No. However, you can appoint the Bank to act as an agent (wakalah) to find, arrange and pay a third party, i.e. security vault service provider to safekeep the physical gold that you've purchased from the Bank.

**Q24 : Is there any fee that will be imposed by the Bank for the Bank appointment as an agent (wakalah)?**
A24 : Yes. For the Bank appointment as an agent, the Bank will impose an agent fee of up to 0.5%per annum (p.a.) based on the average value of the gold balance in your MIGA-i. The agent fee will be debited from your CASA on a monthly basis.

The agent fee may be waived at the Bank's discretion and the Bank will waive the agent fee until further notice.

**Q25 : What are roles and responsibilities of the Bank as an agent (wakalah) to me?**

A25 : The roles and responsibilities are as follows:

- Find a reputable security vault service provider to safekeep your gold.
- Enter an agreement with the security vault service provider to ensure that your gold will be maintained in an orderly manner.
- Maintain all the record provided by the security vault service provider related to your gold.
- Debit your CASA and pay storage fee to the security vault service provider.
- Make any claims to the security vault service provider in the event of any negligent act or omission by the security vault service provider.
- To assign and re-assign the physical gold bar serial number for you.
- To sell or liquidate your available gold balance in MIGA-i account if the Bank failed to debit the agent fee due from your CASA for 3 consecutive months.

**Q26 : Will the Bank send a reminder before liquidating the available gold in MIGA-i to recover the agent (wakalah) fee amount due?**

A26 : Yes. The Bank will send three reminders to you - the 1st, 2nd and 3rd (final) reminder. If you fail to make a payment of the amount due within 7 days from the final reminder sent date, the Bank will liquidate your available gold balance in MIGA-i and will send a notification about the successful recovery transaction. For the remaining of the proceed sale, the Bank will credit into your CASA.

**Q27 : Is MIGA-i protected by the Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)?**

A27 : No. MIGA-i is not protected by the PIDM.

**Q28 : Does the Bank provide a service for me to buy and sell gold at my preferred price?**

A28 : You are allowed to place a future order to buy and/or sell gold via Maybank2u at your preferred or specified price and set the validity (expiry date) of the future order to up to 1month.

In the event that the buy and/or sell gold preferred or specified price does not match during your chosen future order period (from application date until expiry date), you acknowledge and agree that such future order made by you would be cancelled and not carried out by the Bank.

**Q29 : Is there any risk exposed to MIGA-i?**

A29 : 1. Market Risk

Various factors will affect the gold value of MIGA-i, including market conditions, investors' sentiment and confidence, profit rates, currency exchange rates, rates of inflation, business and economic, political, financial, social, environmental and other events both locally and globally.

2. Pricing Risk

The price of gold in MIGA-i depends on the movements in the gold market. Such reference values may be volatile and changes in such price may result in the price, level or value moving adversely to your interests and negatively affecting the return on MIGA-i.

3. Return/Investment Risk

You are exposed to changes in such reference values between the time you purchase the gold and the time of sale. Past performance is not an indicative of future returns. The returnof the gold would be from the appreciation of your initial purchase and subject to volatility

of the world and local gold market conditions. However, the return is not guaranteed while the risk of potential loss is high and substantial if and when the gold price retreated.

**YOU ARE ADVISED TO CONSIDER ALL RISK FACTORS ASSOCIATED WITH MIGA-i PRIOR TO TRANSACTING THE GOLD.**

<u>Soalan-Soalan Lazim - Produk Maybank Islamic Gold Account-i (MIGA-i)</u>

**S1: Apa itu produk Maybank Islamic Gold Account-i (MIGA-i)?**

J1: Maybank Islamic Gold Account-i (MIGA-i) adalah produk akaun emas patuh Syariah yang memberi kemudahan kepada anda untuk membeli & melabur dalam emas dengan ketulenan 999.9 yang diakreditasi oleh London Bullion Market Association (LBMA) tanpa perlumenyimpan emas atau membimbangkan keselamatan memegangnya.

<u>Nota:</u>

a) Selepas anda membeli emas daripada pihak Bank, anda akan menjadi pemilik emas tersebut. Anda kemudiannya mempunyai pilihan untuk melantik Bank sebagai ejen untuk mencari perkhidmatan penyedia peti keselamatan untuk menyimpan emas anda, atau anda boleh mengambil pemilikan emas melalui transaksi penebusan emas (tebus dengan bar emas fizikal) untuk simpanan sendiri.

b) Kejayaan urus niaga beli emas anda adalah tertakluk kepada had penjualan emas harian Bank.

**S2: Apa faedah menggunakan MIGA-i?**

J2: Anda dapat menikmati faedah-faedah yang berikut:

- Nikmati penyebaran harga yang rendah antara harga jualan dan belian Bank.
- Nikmati harga terkini mengikut pasaran untuk membeli dan menjual emas.
- Mempunyai pilihan untuk menebus baki emas yang ada di dalam akaun MIGA-i dengan emas fizikal dengan denominasi dari 1gram hingga 1,000gram melalui pengambilan sendiri dicawangan Maybank yang terpilih, perkhidmatan penghantaran dan/atau perkhidmatan penghantaran khas
- Pindah emas dalam gram dari akaun MIGA-i ke akaun MIGA-i yang lain tanpa sebarang caj.
- Jual kembali bar emas fizikal kepada Bank dengan harga belian Bank yang kompetitif. Ini hanya sah untuk bar emas fizikal yang telah ditebus dari Bank.
- Beli dan jual emas pada harga yang ditentukan oleh anda melalui transaksi pesanan masa depan secara dalam talian melalui Maybank2u.
- Lakukan pembukaan & penutupan akaun, beli, jual dan pindah emas dengan mudah secara dalam talian melalui Maybank2u.
- Terima pemberitahuan dari Bank apabila anda dapat memperoleh keuntungan minima 10% jika anda menjual emas kepada Bank. Ini hanya berlaku apabila anda mempunyai baki emas 100grams ke atas.

**S3: Apakah kontrak Syariah yang digunapakai?**

J3: Kontrak Syariah yang digunakan untuk produk ini ialah:

a) Musawamah: Kontrak jualan yang merujuk kepada transaksi di mana pembayaran dan penghantaran emas mestilah dilakukan dengan segera di antara bank dan anda.

b) Waad: Kontrak akujanji di mana anda berjanji untuk membeli emas melalui pendebitan akaun semasa atau simpanan anda. Atas permintaan anda melalui pesanan pembelian, pihak Bank akan membeli emas tersebut. pihak Bank akan menjual emas tersebut kepada anda. Akaun semasa atau simpanan anda akan didebitkan sebanyak harga jualan bank. Selepas itu, akaun emas anda akan dikreditkan pada harga belian emas.

c) Ujrah : Yuran yang dikenakan oleh pihak Bank untuk perkhidmatan seperti penebusan dengan emas fizikal, penghantaran emas fizikal melalui kurier dan penghantaran khas, beli, jual dan pindahan emas yang dilakukan melalui kaunter di cawangan, dan sebagai ejen untuk

mencari pembekal perkhidmatan peti besi keselamatan untuk menyimpan emas anda dengan selamat.

d) Wakalah: Anda melantik pihak Bank sebagai ejen untuk mencari dan mengatur dengan pihak ketiga, penyedia perkhidmatan bilik kebal keselamatan untuk menyimpan bar emas fizikal anda dengan selamat dan melantik Bank untuk melaksanakan transaksi pesanan masa hadapan.

**S4: Siapa yang boleh membuka MIGA-i?**

J4: **1. Individu**

a. 18 tahun dan ke atas
b. Akaun Amanah (akaun bersama dengan penjaga bagi mereka yang berumur 18 tahun kebawah)
c. Akaun bersama (sehingga 4 orang sahaja)

**2. Pemilikan Tunggal**

Nota:
Produk MIGA-i dibuka kepada bukan warganegara Malaysia (kecuali mereka yang mempunyai hubungan dengan negara yang dikenakan sekatan) hanya melalui kaunter perbankandi mana-mana cawangan bank.

**S5: Adakah Bank membenarkan saya membeli dan menjual emas secara tunai?**

J5: Tidak. Anda perlu memiliki Akaun Semasa atau Akaun Simpanan Maybank Islamic dan/atau Maybank (CASA) untuk memudahkan transaksi berikut:

1. Bank untuk mendebit dan mengkredit jumlah dari CASA anda untuk melaksanakan transaksi jual beli emas anda.
2. Bank untuk mendebit sebarang yuran & caj yang berkenaan dari CASA anda.

**S6: Adakah akaun Maybank dan/atau Maybank Islamic MAE dianggap sebagai CASA?**

J6: Tidak. Jika anda hanya mempunyai akaun MAE atau MAE-i dan ingin membuka akaun MIGA-i,anda perlu membuka CASA secara sepenuhnya dengan pengesahan cap jari di cawangan Maybank.

**S7: Berapakah jumlah pembelian pertama untuk membuka akaun dan pembelian seterusnya?**

J7: 1. Akaun Tunggal, Bersama & Dibawah Amanah

| Pembelian Pertama | Pembelian Seterusnya (Berganda) |
|---|---|
| Sekurang-kurangnya RM 10 atau yang setaraf dalam gram berdasarkan harga jualan semasa Bank. | Sekurang-kurangnya RM 10 atau yang setaraf dalam gram berdasarkan harga jualan semasa Bank. |

2. Akaun Pemilikan Tunggal

| Pembelian Awal | Pembelian Seterusnya (Berganda) |
|---|---|
| Sekurang-kurangnya RM 50 atau yang setaraf dalam gram berdasarkan harga jualan semasa Bank. | Sekurang-kurangnya RM 10 atau yang setaraf dalam gram berdasarkan harga jualan semasa Bank. |

**S8: Apakah ketulenan emas yang saya beli?**

J8: Bar emas fizikal dengan 999.9 ketulenan yang diakreditasi oleh London Bullion Market Association (LBMA).

**S9: Adakah Bank membenarkan saya membeli dan menjual MIGA-i dalam mata wang lain?**

J9: Tidak. Urus niaga hanya boleh dilakukan dalam Ringgit Malaysia (RM).

**S10: Apakah denominasi emas yang boleh saya tebus?**

J10:
a. 1gram
b. 5gram
c. 10gram
d. 50gram
e. 100gram
f. 1,000gram (1kilogram)

**S11: Bagaimana saya boleh menebus bar emas fizikal?**

J11: Anda mempunyai pilihan untuk menebus bar emas fizikal melalui saluran berikut:

| No. | Saluran Penebusan | Kenyataan | Jumlah Penebusan Emas Bagi Setiap Permohonan / Penghantaran | | Denominasi Emas Berkaitan |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Min | Maks | |
| 1 | Cawangan Maybank Terpilih | Ambil sendiri berdasarkan kepada stok emas yang ada | 1 gram | 300 grams | 1 gram<br>5 grams<br>10 grams<br>50 grams<br>100 grams |
| | | Ambil sendiri berdasarkan kepada Perkhidmatan Temujanji | 1,000 grams | Tertakluk kepada baki emas dalam MIGA-i anda | 1,000 grams |
| 2 | Perkhidmatan Penghantaran | Perkhidmatan penghantaran boleh menampung sehingga 100 grams setiap penghantaran (bungkusan) | 1 gram | 100 grams | 1 gram<br>5 grams<br>10 grams<br>50 grams<br>100 grams |
| 3 | Perkhidmatan Penghantaran Khas | Perkhidmatan penghantaran khas boleh menampung sehingga 3,000 grams bagi setiap penghantaran | 500 grams (Semenanjung Malaysia)<br><br>1,000 grams (Sabah & Sarawak) | 3,000 grams | 1 gram<br>5 grams<br>10 grams<br>50 grams<br>100 grams<br>1,000 grams |

Nota:

a) Untuk pengambilan sendiri di cawangan Maybank terpilih, anda tidak perlu membayar sebarang caj selain daripada caj penebusan emas.

b) Untuk perkhidmatan penghantaran dan/atau perkhidmatan penghantaran khas, anda harus membayar caj perkhidmatan penghantaran dan/atau perkhidmatan penghantaran khas selain daripada caj penebusan emas.

**S12: Apakah tempoh masa untuk perkhidmatan penghantaran dan perkhidmatan penghantaran khas?**

J12:

| No. | Perkhidmatan | Tempoh Masa |
|---|---|---|
| 1 | Perkhidmatan Penghantaran | 3 hingga 7 hari perniagaan dari tarikh permohonan |
| 2 | Perkhidmatan Penghantaran Khas | |

Nota:
Hari perniagaan untuk Wilayah Persekutuan.

**S13: Adakah terdapat caj penebusan emas?**

J13: Ya. Berikut adalah caj penebusan emas mengikut denominasi:

| Denominasi Emas | Jumlah Caj Penebusan Setiap Keping (RM) |
|---|---|
| 1gram | 25.00 |
| 5gram | 36.50 |
| 10gram | 63.00 |
| 50gram | 242.50 |
| 100gram | 340.00 |
| 1,000gram | 1,450.00 |

Nota:
Caj penebusan emas dikenakan oleh penjual emas.

**S14: Selain caj penebusan emas, adakah saya perlu membayar caj lain jika saya mahu menebus bar emas fizikal?**

J14: Tidak, sekiranya anda ingin mengambil sendiri bar emas fizikal di cawangan Maybank terpilih.
Ya, sekiranya anda mahu emas dihantar kepada anda melalui perkhidmatan penghantaran dan/atau perkhidmatan penghantaran khas.

**S15: Di mana saya boleh mendapatkan lokasi cawangan Maybank terpilih untuk menebus emas?**

J15: Anda boleh merujuk kepada www.maybank2u.com.my.

**S16: Apakah caj yang saya perlu bayar jika saya memilih untuk menebus bar emas fizikal melalui perkhidmatan penghantaran dan/atau perkhidmatan penhantarankhas?**

J16: Berikut adalah caj perkhidmatan penghantaran dan/atau perkhidmatan penghantaran khas yang akan ditanggung oleh anda selain dari caj penebusan emas.

1. Caj Perkhidmatan Penghantaran

| Perkara | Semenanjung Malaysia | Timur Malaysia (Sabah & Sarawak) |
|---|---|---|
| Bayaran Insurans | RM2 setiap gram | RM2 setiap gram |
| Pengendalian, Pengumpulan dan caj penghantaran | RM16.75 setiap penghantaran | RM22.75 setiap penghantaran |
| Jumlah Gram Setiap Penghantaran (Bungkusan) | Minima 1gram - Maksima 100gram | Minima 1gram - Maksima 100gram |

2. Caj Perkhidmatan Penghantaran Khas

| Perkara | Semenanjung Malaysia | Timur Malaysia (Sabah & Sarawak) |
|---|---|---|
| Bayaran Perkhidmatan | RM970 setiap penghantaran | RM2,135 setiap penghantaran |
| Jumlah Gram Setiap Penghantaran | Minima 500 grams - Maksima 3,000 grams | Minima 1,000 grams - Maksima 3,000 grams |

Nota:

a) Anda bersetuju bahawa penjual emas akan melakukan perkhidmatan penghantaran dan/atau perkhidmatan penghantaran khas. Anda juga bersetuju bahawa Bank akan mendedahkan maklumat yang berkaitan seperti nama penerima, alamat surat-menyurat dan nombor untuk dihubungi (mudah alih atau telefon) kepada penjual emas untuk melakukan perkhidmatan penghantaran dan/atau perkhidmatan penghantaran khas.

b) Caj perkhidmatan penghantaran dan/atau perkhidmatan penghantaran khas dikenakan oleh penjual emas.

**S17: Adakah Bank membeli balik bar emas fizikal yang telah ditebus oleh saya?**

J17: Ya. Bank boleh membeli balik bar emas fizikal yang telah ditebus oleh anda jikaia memenuhi kriteria tertentu yang ditetapkan oleh Bank.

**S18: Adakah Bank membenarkan saya untuk memindahkan baki emas dalam akaun MIGA-i saya ke akaun MIGA-i lain?**

J18: Ya. Anda boleh memindahkan baki emas dalam akaun MIGA- i anda ke akaun MIGA-i lain yang didaftarkan di bawah nama anda untuk akaun bersama dan/atau nama pihak ketiga. Pindahan boleh dilakukan dalam bentuk gram dan anda boleh memindahkan sehingga nilai emas maksimum RM50,000 setiap hari berdasarkan harga belian semasa Bank.

**S19: Di mana saya boleh mendapatkan maklumat mengenai harga jualan dan belian Bank?**

J19: Anda boleh merujuk kepada www.maybank2u.com.my.

**S20: Apakah hari perniagaan Bank untuk saya melakukan transaksi emas?**

J20: 1. Untuk Cawangan Maybank

Transaksi emas boleh dilakukan semasa waktu perniagaan biasa pada hari kalendar bila Bank dibuka kepada orang ramai untuk menjalankan perniagaan sebagaimana yangditakrifkan dalam Islamic Financial Services Act (IFSA 2013). Anda boleh merujuk kepada www.maybank2u.com.my untuk keterangan lebih lanjut.

2. Untuk Maybank2u

Transaksi emas boleh dilakukan dari jam 8:30 pagi - 11:59 malam setiap hari termasuk hujung minggu dan cuti umum.

**S21: Adakah terdapat apa-apa caj yang akan dikenakan jika saya melaksanakan urus niaga emas melalui atas kaunter di cawangan Maybank?**

J21: Ya. Caj perkhidmatan sebanyak RM5.00 akan dikenakan pada setiap transaksi MIGA-i berikut yang dilakukan melalui kaunter di cawangan Maybank:

- Beli Emas
- Jual Emas
- Pindahan Emas

Nota:

Kesemua transaksi di atas boleh dilakukan di Maybank2u tanpa dikenakan sebarang caj dan bayaran.

**S22: Apakah baki minimum yang perlu saya simpan dengan dalam MIGA-i?**
J22: Tidak ada baki minimum yang diperlukan untuk akaun MIGA-i anda. Walau bagaimanapun, Bank mempunyai hak untuk menutup akaun anda jika akaun anda tidak mempunyai sebarangbaki untuk tempoh 3 tahun berturut-turut.

**S23: Adakah Bank menyimpan bar emas fizikal yang saya beli daripada Bank?**
J23: Tidak. Walau bagaimanapun, anda boleh melantik Bank untuk bertindak sebagai ejen (wakalah) untuk mencari, mengatur dan membayar pihak ketiga, iaitu penyedia perkhidmatan peti keselamatan, untuk menjaga keselamatan bar emas fizikal yang anda belidaripada Bank.

**S24: Adakah terdapat sebarang bayaran akan dikenakan oleh Bank untuk pelantikan Bank sebagai ejen (wakalah)?**
J24: Untuk pelantikan Bank sebagai ejen, Bank akan mengenakan yuran ejen sehingga 0.5% setahun (p.a.) berdasarkan nilai purata baki emas anda di dalam MIGA-i.

Bayaran ejen akan didebitkan dari CASA anda pada setiap bulan.

Bayaran ejen boleh dikecualikan atas budi bicara Bank dan Bank akan mengecualikan bayaran ejen sehingga diberitahu kelak.

**S25: Apakah peranan dan tanggungjawab Bank sebagai ejen (wakalah) kepada saya?**
J25: Peranan dan tanggungjawab adalah seperti berikut:

- Mencari penyedia perkhidmatan peti keselamatan yang boleh dipercayai untuk menyimpan emas anda dengan selamat.
- Memeterai perjanjian dengan penyedia perkhidmatan peti keselamatan untuk memastikan bahawa emas anda akan disimpan dalam cara yang teratur.
- Menyimpan semua rekod yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan peti keselamatan yang berkaitan dengan emas anda.
- Debit CASA anda dan bayar yuran simpanan kepada penyedia perkhidmatan peti keselamatan.
- Melakukan sebarang tuntutan kepada penyedia perkhidmatan peti keselamatan sekiranya berlaku tindakan cuai atau kegagalan oleh penyedia perkhidmatan peti keselamatan.
- Menetapkan dan menetapkan semula nombor siri bar emas fizikal untuk faedah anda.
- Menjual atau membubarkan baki emas yang ada dalam akaun MIGA-i sekiranya Bank gagal mendebitkan yuran ejen dari CASA anda selama 3 bulan berturut-turut.

**S26: Adakah Bank akan menghantar peringatan sebelum menjual baki emas yang ada dalam akaun MIGA-i saya untuk mendapatkan semula bayaran ejen (wakalah) yang tertunggak?**
J26: Ya. Bank akan menghantar tiga peringatan kepada anda – peringatan pertama, kedua, dan ketiga (terakhir). Jika anda gagal untuk membuat pembayaran amaun yang tertunggak dalam tempoh 7 hari dari tarikh peringatan terakhir dihantar, Bank akan menjual baki emasyang terdapat dalam akaun MIGA-i anda dan akan menghantar pemberitahuan tentang transaksi tersebut. Jika terdapat lebihan daripada hasil jualan, Bank akan mengkreditkannya ke dalam akaun CASA anda.

**S27: Adakah MIGA-i dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)?**
J27: Tidak. MIGA-i tidak dilindungi oleh PIDM.

**S28: Adakah Bank menyediakan perkhidmatan kepada saya untuk membeli dan menjual emas pada harga pilihan saya?**
J28: Anda boleh melakukan pesanan masa depan untuk membeli dan/atau menjual emas melalui Maybank2u pada harga pilihan anda atau harga yang dinyatakan, serta menentukan tempoh matang (tarikh luput) pesanan tersebut sehingga 1 bulan.

Sekiranya jualan dan/atau belian pada harga pilihan atau harga yang dinyatakan tidak sepadan dalam tempoh pesanan masa depan (dari tarikh permohonan sehingga tarikh luput) yang ditentukan oleh anda, anda mengakui dan bersetuju bahawa pesanan masa depan yang dibuat oleh anda akan dibatalkan dan tidak dijalankan oleh Bank.

**S29: Apakah risiko yang terdedah kepada MIGA-i ini?**

J29: 1. Risiko Pasaran: Pelbagai faktor akan memberi kesan kepada nilai emas MIGA-i, termasuk keadaan pasaran, sentimen pelabur dan keyakinan, kadar keuntungan, kadar pertukaran mata wang, kadar inflasi, perniagaan dan ekonomi, politik, kewangan, sosial, alam sekitar dan lain-lain kejadian tempatan dan global.

2. Risiko Harga: Harga emas MIGA-i bergantung kepada pergerakan dalam pasaran emas . Nilai rujukan tersebut mungkin berubah-ubah dan perubahan pada harga tersebut yang boleh mengakibatkan harga, tahap atau nilai memberi kesan negatif kepada kepentingan anda dan pulangan MIGA-i.

3. Risiko Pulangan atau Pelaburan: Anda terdedah kepada perubahan nilai rujukan tersebut antara waktu anda membeli emas dan waktu penjualan. Prestasi masa lalu bukan penentu pulangan masa depan. Pulangan emas adalah dari kenaikan atas pembelian awal dan bergantung kepada keadaan pasaran emas dunia dan tempatan yang tidakmenentu. Bagaimanapun, pulangan tidak dijamin sementara risiko potensi kerugian adalah tinggi dan besar jika dan ketika harga emas jatuh.

**ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMPERTIMBANGKAN SEMUA FAKTOR RISIKO YANG BERKAITAN DENGAN MIGA-i UNTUK MELAKUKAN TRANSAKSI EMAS.**